

10 MAR 1996

PM BELUM BOLEH KOMEN MENGENAI MUHYIDDIN LEPAS JAWATAN PENERUS

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum dapat membuat kenyataan mengenai hasrat Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk melepaskan jawatan pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor.

Ini kerana Dr Mahathir belum dimaklumkan mengenainya daripada Muhyiddin sendiri.

"Saya belum boleh komen mengenai perkara itu kerana saya hanya mendengarnya melalui akhbar," katanya kepada pemberita selepas melepaskan Larian Hijau '96 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Dataran Merdeka di sini.

Khamis lepas, Muhyiddin, yang juga Naib Presiden UMNO, berkata dia akan melepaskan jawatan pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri kepada Menteri Besar Johor Abdul Ghani Othman selaras dengan tradisi parti bahawa menteri besar sesuai menyandang jawatan itu.

Beliau berkata demikian semasa menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina dan Hari Raya anjuran MCA Johor.

Muhyiddin juga berkata majlis itu adalah yang terakhir baginya selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor kerana jawatan itu akan dilepaskan kepada Abdul Ghani. -- BERNAMA

ARA AKD